

PEMBANGUNAN MODAL INSAN DALAM NOVEL *IMAM*

IDA ROZIANA BINTI ABDULLAH

**JABATAN KESUSAstERAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN**

2010



PEMBANGUNAN MODAL INSAN, DALAM NOVEL *IMAM*

IDA ROZIANA BINTI ABDULLAH

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU

JABATAN KESUSASTERAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN

2010



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

Tarikh: 10 Oktober 2010



IDA ROZIANA BINTI ABDULLAH
M20082000010



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iv

PEMBANGUNAN MODAL INSAN DALAM NOVEL *IMAM*

IDA ROZIANA BINTI ABDULLAH

**Disertasi ini telah diterima oleh Program Kesusasteraan Melayu untuk
memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan
Kesusasteraan Melayu pada sesi 2008/2010**

**(Dr. Azhar bin Haji Wahid)
Penyelia**

Tarikh

10.12.2010

**(Prof. Madya Dr. Mohd Rosli bin Saludin)
Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu**

Tarikh



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DEDIKASI

Bingkisan ini dedikasi
buat insan yang melihat aku membesar sehingga
menjadi manusia yang tabah
dalam menempuh liku-liku kehidupan ini.

Kutitipkan buatmu ayahanda dan bonda yang amat disayangi,
Haji Abdullah bin Haji Hasan & Hajjah Puziah binti Md. Lizah
Semurni kasih dan seharum kasturi membajai diri ini
dengan kasih sayang yang abadi.

Kudedikasikan bingkisan ini jua buat insan
yang faham erti cinta dan sayang
Ketahuilah cinta dan sayang itu memerlukan
sejuta pengorbanan serta segunung pengertian.

Setulus hati rasa cinta yang sejati buat suami tersayang,
Zaidi bin Ahmad
Agar ada ruang untuk kasih ini terus mekar
disegenap jiwa dan raga kita berdua.

Siramilah kasih sayang agar terus membara disanubari
Kasihku tiada penghujungnya buat kalian.

Seikhlas rasa sayang buat insan-insan yang aku kasihi,
Walaupun kita terpisah jua,
Namun ingatanku tetap kekal selamanya,
Akanku abadikan jua bingkisan ini buat kalian,
Dengan diiringi doa semoga sejahtera di sana.

Al-Fatihah buat;
Allahyarhamah Salbiah binti Md.Yasin
Allahyarham Ishak bin Yahya
Allahyarham Md.Zahib bin Md.Yasin
Allahyarham Hasan bin Abdul Ghani
Allahyarhamah Embok binti Lasim
Allahyarhamah Jamilah binti Abdul Ghani
Allahyarham Rosihan bin Khalid
Allahyarham Dzulkifli bin Khalid



PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa rendah diri saya panjatkan kesyukuran ini kepada Allah SWT yang melimpahkan taufiq, hidayah, inayat, rezeki serta kekuatan kepada saya sehingga berjaya menamatkan pengajian peringkat sarjana ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya tujuhan kepada penyelia dan pensyarah yang saya hormati, Dr. Azhar bin Haji Wahid yang sentiasa memberi tunjuk ajar serta memahami rintangan yang saya lalui sehingga selesainya tugasani ini.

Sekalung penghargaan kepada pensyarah-pensyarah yang mengajar serta memberi bimbingan kepada saya sepanjang mengikuti Program Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu ini, iaitu Prof. Dr. Haji Muhammad Bukhari Lubis, Dr. Haji Abdul Halim bin Ali, Dr. Idris bin Radzi, Dr. Ani binti Haji Omar dan Prof. Emeritus Dato' Dr. Ishak bin Haron. Jasa kalian akan saya kenang selagi hayat dikandung badan.

Saya merakamkan penghargaan ini kepada suami tercinta, iaitu Zaidi bin Ahmad yang sama-sama menuntut ilmu dan berkongsi susah serta senang bersama. Beliaulah teman ketawa dan teman menangis selagi masih bernafas serta selagi nadi ini masih berdenyut. Anak-anak tersayang Fikri Haziq bin Zaidi dan Adli Fahmi bin Zaidi, ingatlah pesan mama hanya ilmu yang mampu mengangkat martabat diri kita dan tuntutlah ilmu selagi terdaya serta jadilah anak yang beriman, berilmu dan berakhlik mulia. Terima kasih kerana amat memahami diri ini.



Jutaan terima kasih saya tujuhan kepada ibu bapa tersayang, Haji Abdullah bin Haji Hasan dan Hajjah Puziah binti Md. Lizah atas didikan, kasih sayang dan pengorbanan yang dicurahkan kepada anakmu ini. Ibu dan bapa mertua yang dikasih Encik Ahmad bin Haji Bakar dan Puan Rodziah binti Md.Salleh, terima kasih atas doa yang dipanjatkan buat kesejahteraan kami sekeluarga.

Buat insan yang mengenali diri ini terima kasih atas kerjasama yang diberikan kepada saya secara langsung mahupun secara tidak langsung sehingga tamatnya tugasani ini. Hanya Allah SWT juga yang akan membalas kebaikan kamu semua.

Sekian, terima kasih.

Ida Roziana binti Abdullah
M20082000010
Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan





ABSTRAK

Senario kini menunjukkan pembangunan modal insan merupakan satu agenda yang penting dalam pembangunan Malaysia kerana selaras perjuangan misi negara dalam konteks menghadapi cabaran keempat yang terdapat dalam Wawasan 2020, iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang teguh serta ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan ini merupakan kajian teks, iaitu menganalisis dan membincangkan novel *Imam* karya Abdullah Hussain berdasarkan pembangunan modal insan dengan bersandarkan prinsip kedua dalam teori Takmilah, iaitu Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil* dan prinsip ini juga terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu insan *Khalifah*, insan *Rabbani* dan insan *Kamil*. Oleh itu daripada kajian ini pengkaji dapat membuktikan bahawa watak utama dalam novel *Imam*, iaitu Haji Mihad mempunyai ciri-ciri sebagai insan *Kamil*. Haji Mihad selaku watak utama memainkan peranannya sebagai *insan Kamil* serta turut membawa perubahan dari sudut agama dan muamalah dengan bersandarkan al-Quran, hadis dan sunah. Watak Haji Mihad digambarkan sebagai seorang yang berperibadi dan berakhhlak mulia, mempunyai ilmu agama dan ilmu dunia, bersemangat patriotik, berpandangan jauh, menekankan kerjasama dan toleransi di kalangan masyarakat, menjalankan dakwah secara berhemah dan seorang imam yang sentiasa memberi bimbingan serta nasihat dengan berlandaskan hukum Islam. Selain itu juga, kajian ini dibuat untuk mengenalpasti ciri-ciri modal insan yang terdapat pada watak utama dalam novel *Imam* dan terbukti bahawa ciri-ciri tersebut ada pada watak Haji Mihad serta mendapati bahawa watak utama itu merupakan seorang muslim yang mencontohi Nabi Muhammad SAW selaku model modal insan yang paling sempurna. Di samping itu juga, kajian ini dibuat untuk membuktikan bahawa novel *Imam* merupakan sebuah karya sastera yang menepati ciri-ciri karya sastera Islam. Sebagai kesimpulannya, novel ini membuktikan kejayaan pengarang mengolah karyanya dengan cara yang kreatif dan mempunyai unsur-unsur keislaman yang kuat.





ABSTRACT

The scenario now shows the development of human capital is as an important agenda in the development of Malaysia as the consistent struggle of the country's mission in the context of the four challenges listed in the Vision 2020, namely to build a strong community features moral and ethical citizens with the religious and firm spiritual values anchored by the sublime character. In regard, this study is the study of the text which discusses the novel *Imam* by Abdullah Hussain based on the development of human capital with the second principle in *Taknilah* theory, namely the principle of Apostolic as wholesome individual and this principle is also divided into three parts *Khalifah*, *Rabbani* dan *Kamil*. So, from this study researches can prove that the main character in the novel *Imam*, namely Haji Mihad features as a perfect human. Haji Mihad as the main character, roles a perfect man and also brought charges in terms of religious and secular scenarios based on al-Quran, hadis and sunah. Haji Mihad character is described as a noble and high prestige, person with highly religion and world of knowledge, passionate patriotism, farsighted, emphasizing cooperation and tolerance among the people, work with integrity and a missionary priest who always gives guidance and advice based on Islamic law. And also, this study is made to identify the characteristics of human capital found in the main character in the novel *Imam* and proven that there are features in the character of Haji Mihad and finds it harder that the main character is a muslim who follows the Prophet Muhammad as a model the most perfect of human capital. Besides that, the study was made to prove that the novel *Imam* is a literary piece who meets the characteristics work of Islamic literature. As a conclusion, this novel proves successful process works by authors who are creative and have the strong elements of Islam.





KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
KANDUNGAN	ix
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	19
1.4	Objektif Kajian	24
1.5	Kepentingan Kajian	24
1.6	Kaedah Kajian	25
1.7	Batasan Kajian	27
1.8	Cadangan Bab	31
1.9	Kesimpulan	33

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	35
2.2	Sorotan Literatur Dalam Negara	37
2.3	Kesimpulan	44

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	46
3.2	Latar Belakang Teori <i>Takmilah</i>	48
3.3	Falsafah Teori <i>Takmilah</i>	49
3.4	Prinsip-prinsip Teori <i>Takmilah</i>	54
3.4.1	Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat <i>Kamal</i>	56
3.4.2	Prinsip Kerasulan Sebagai Insan <i>Kamil</i>	57
3.4.3	Prinsip Keislaman Yang Bersifat <i>Akmal</i>	61
3.4.4	Prinsip Ilmu Dengan Sastera Yang Bersifat <i>Takamul</i>	63
3.4.5	Prinsip Sastera Bercirikan Estetik dan Bersifat <i>Takmilah</i>	64
3.4.6	Prinsip Pengkarya Mengistimalkan Diri	65
3.4.7	Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka Ke arah Insan <i>Kamil</i>	66



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

3.5	Kerangka Teori <i>Takmilah</i>	67
3.6	Kesimpulan	73

BAB 4 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

4.1	Pengenalan	75
4.2	Konsep Pembangunan Modal Insan	77
4.3	Insan <i>Khalifah</i> Dalam Novel <i>Imam</i>	80
4.4	Insan <i>Rabbani</i> Dalam Novel <i>Imam</i>	100
4.5	Insan <i>Kamil</i> Dalam Novel <i>Imam</i>	115
4.6	Kesimpulan	133

BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	136
5.2	Dapatan Kajian	137
5.3	Kesimpulan	140

BIBLIOGRAFI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMK-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
MEB	Model Ekonomi Baru
TMK	Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat
USM	Universiti Sains Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
KBSR 05-4506832	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah <small>Kampus Sultan Abdul Jalil Shah</small>
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
HSU	Hadiah Sastera Utusan



SENARAI RAJAH

- Rajah 1 Sastera dan Ilmu-ilmu Lain Dalam Skema Falsafah Tauhid
- Rajah 2 Sifat-sifat Sempurna Allah SWT
- Rajah 3 Kerinduan Manusia Ingin Kembali Menuju Ke arah Kesempurnaan Allah SWT
- Rajah 4 Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat *Kamal*
- Rajah 5 Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil*
- Rajah 6 Prinsip Keislaman Bersifat *Akmal*
- Rajah 7 Prinsip Sastera Yang Bersifat *Takamul*
- Rajah 8 Prinsip Sastera Bercirikan Estetik dan Bersifat *Takmilah*
- Rajah 9 Prinsip Pengkarya Seharusnya Mengistimalkan Diri
- Rajah 10 Prinsip Sastera dan Khalayak
- Rajah 11 Rumusan Prinsip-prinsip Teori *Takmilah*
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
- Rajah 12 Pembahagian Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil*
- Rajah 13 Asas-asas Pembangunan Modal Insan Zaman Rasulullah SAW





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dewasa ini penulisan karya-karya sastera Islam di Malaysia semakin berkembang pesat hasil daripada penulis mapan mahupun pengkarya generasi baru. Karya-karya sastera tersebut meliputi genre novel, cerpen, puisi, naskhah pentas, drama dan sebagainya.

Pemilihan tema Islam itu menjadi satu yang wajib dalam penulisan sastera di negara ini di kalangan pengkarya. Sehubungan dengan itu, sesebuah karya sastera Islam itu bukan sahaja membawa mesej keislaman tetapi juga membentuk keperibadian manusia dengan akhlak terpuji serta kaya dengan nilai-nilai estetika. Fenomena ini mengkehendaki seseorang pengarang itu perlu meletakkan karyanya berhubung dengan ketuhanan serta fungsi sosial.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Di samping itu juga, perkembangan sastera Islam di Malaysia terbahagi kepada dua, iaitu pertama penulis mula yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang cenderung tentang Islam manakala kedua pula ialah penulis terkenal yang memilih karya berunsurkan Islam dan sesuai dengan usia mereka. Antara hasil karya yang berunsurkan Islam ialah novel *Imam* karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain, kumpulan *Puisi al-Amin* karya A.Samad Said yang juga Sasterawan Negara, novel *Muhammad Akhir* karya Anas K.Hadi Maja dan sebagainya.

Secara ringkasnya, perkembangan sastera Islam di negara ini dipercayai bermula pada 1930-an dan semakin ketara pada 1970-an kerana pada ketika itu berlakunya kebangkitan Islam. Melalui kerjasama yang dijalankan oleh DBP dan persatuan penulis-penulis di setiap negeri maka karya sastera Islam semakin bercambah dengan lahirnya penulis-penulis yang mempunyai latar belakang agama.



Perlu dinyatakan di sini bahawa, sastera Islam itu perlu lebih fokus kerana meliputi ilmu agama, fardu ain dan fardu kifayah. Hal ini kerana seseorang pengkarya itu mempunyai tugas yang berat kerana setiap karyanya akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Oleh yang demikian, persoalan agama ini bukanya sesuatu yang boleh dipandang remeh.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sastera adalah medium untuk melahirkan rasa hati serta perasaan pengarang. Sastera juga merupakan sebuah hasil seni yang sarat keindahan kata-kata yang tersirat mahu pun di sebalik yang tersurat. Di samping itu juga, pengarang yang menghasilkan karya melalui





penulisan bukan sahaja merakamkan pengalamannya tetapi juga merakamkan tentang perkembangan ilmu, perjuangan dan aliran yang dianuti oleh seseorang pengarang itu. Pengarang yang berjiwa besar bukan sahaja komited dengan penulisannya, malah seorang yang berwawasan, mempunyai kekuatan minda, dan berfikiran kreatif. Menurut Siti Aisah Murad (2009: 26), karya sastera memang kental dengan bimbingan dan pengajaran. Sejak zaman kesusasteraan tradisional lagi peranan karya sastera adalah sebagai hiburan dan pengajaran. Selain itu juga, Siti Aisah Murad (2009: 26) menyatakan pendapat Profesor A.Tew bahawa Aristotle menanggapi seni termasuk karya sastera berperanan menyucikan diri melalui proses yang disebut katarsis. Pendapat ini menunjukkan bahawa peranan karya sastera itu adalah sebagai satu wahana kepada kesejahteraan dan ketenangan.

Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005: 2), Ali Ahmad telah



merungkaikan definisi kesusasteraan yang berkaitan dengan perkataan “sastera” yang berasal daripada bahasa sanskrit, iaitu *castra* yang disebut *syasha* yang bererti kitab suci. Tambahannya lagi, *susastera* memberi erti sastera atau seni bahasa yang secara umumnya dimaksudkan persuratan. Selain itu juga, perkataan “sastera” ini boleh diertikan tulisan atau bahasa. Sehubungan dengan itu, sastera mempunyai pertalian yang erat dengan genre tulisan dan bahasa. Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005: 1), dalam bidang morfologi Melayu, perkataan kesusasteraan ialah kata terbitan. Kata terbitan apitan ini merupakan binaan hasil pengimbuhan awalan ‘ke’ dan akhiran ‘an’ pada kata majmuk ‘susastera’. Jika dicerakinkan kata majmuk itu, dapatlah kita lihat hasil pisahannya tercerai kepada tiga segmen, iaitu ‘su’, ‘sas’ dan ‘ter’. Perkataan ‘su’ membawa makna elok, indah atau molek. Perkataan ‘sas’ pula bererti ajarkan, berikan panduan atau arahkan. Manakala perkataan ‘ter’ pula bermaksud media, karya, bahan atau alat yang merupakan





gagasan, idea atau pemikiran pengarang, iaitu hasil daripada pengamatan, pembacaan, ilmiah, dan pengalaman yang pernah dilalui.

Namun begitu terdapat pendapat-pendapat lain daripada para sarjana mengenai takrif kesusasteraan. Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005: 1) menyatakan pendapat Mana Sikana yang mentakrifkan kesusasteraan sebagai pengkaryaan seseorang, iaitu hasil daripada pengamatan, kepekaaan, sensitiviti dan daya kecelikan intelek pengarang terhadap pelbagai macam fenomena kehidupan di sekitarnya. Malahan tegasnya, melalui karya yang dihasilkan tersimpul pelbagai pengalaman, perasaan, sikap, dan pemikiran. Segalanya memadukan keindahan, imaginasi, ilusi pengarang sebagai teks diri dan ideologi, budaya sejarah dan moraliti zaman, malah sebagai teks sosial yang secara modifikasi meresap masuk ke dalam karya sastera.



Menurut Siti Aisah Murad (2009: 25), kesusasteraan diberi definisi ringkas sebagai ciptaan seni yang indah, disampaikan melalui bahasa, dengan bahan, latar, plot, sudut pandangan dan watak terpilih. Semua unsur sastera ini boleh dijadikan sebagai wahana nilai Islam yang boleh memberikan ganjaran positif kepada pembaca. Namun begitu, terdapat ciri-ciri yang membolehkan karya itu digolongkan sebagai sastera Islam

Kesusasteraan Islam telah wujud sejak zaman kesusasteraan tradisional dan terus berkembang apabila orang Melayu mula membaca tentang cerita-cerita Nabi. Perkembangan ini telah bertambah pesat dengan kemunculan prosa Melayu bercorak Islam seperti hikayat pahlawan Islam dan hikayat raja-raja. Menurut Ismail Hamid (1990: 78), hikayat-hikayat Melayu bercorak Islam mempunyai hubungan dengan genre kesusasteraan Islam yang asalnya dihasilkan sejak zaman Nabi Muhammad SAW lagi.





Selain itu juga, susastera ini merupakan wadah yang berfungsi sebagai ilmu pendidikan yang mampu membimbing dan mengasuh jiwa bangsa ke arah pembentukan akhlak mulia. Seterusnya Sharifah Salha Syed Ahmad (2009: 24), kesusasteraan Islam ialah suatu cabang perkembangan dunia sastera yang amat indah yang membawa manusia ke arah nilai murni.

Penghasilan kesusasteraan bercorak Islam di alam Melayu adalah berkait rapat dan merupakan kesan langsung daripada perkembangan agama Islam di Nusantara umumnya dan di Tanah Melayu khasnya. Sehubungan dengan itu, perkembangan agama Islam di rantau ini telah membawa perubahan yang besar terutamanya kepada amalan hidup masyarakat Melayu. Menurut Ali Ahmad dan Siti Hajar Che' Daud (1990: 9-10), agama Islam sebagai ad-Deen yang mencakupi sistem pemikiran kehidupan politik, kesenian dan kebudayaan secara amat tegas menukar corak hidup masyarakat yang terdahulunya dipengaruhi oleh agama Hindu-Buddha. Proses perubahan ini berjalan melalui dakwah, perkahwinan, pengaruh ekonomi dan seumpamanya ini berjalan secara lancar sehingga cara hidup Islam menjadi mantap dalam seluruh kegiatan dan amalan hidup masyarakat di Nusantara.

Agama Islam dipercayai berkembang di Alam Melayu mulai kurun ke-13 Masihi. Hal ini dibuktikan dengan penemuan batu nesan yang bertarikh 1297 Masihi di kubur Malik al-Salih yang merupakan raja Islam yang memerintah Islam Pasai, di Sumatera. Menurut Ismail Hamid (1990: 65-66), pada umumnya, para sejarawan yang mengkaji sejarah perkembangan Islam di alam Melayu telah bersetuju bahawa tarikh yang jelas tentang bermulanya perkembangan Islam di alam Melayu ialah pada abad ketiga belas masihi. Pendapat ini didasarkan daripada keterangan tentang penemuan batu nesan yang





bertarikh 1297 Masihi, di kubur Malik al-Salih, iaitu raja Islam yang pertama memerintah Pasai, di Sumatera. Daripada keterangan tersebut telah dibuat kesimpulan bahawa agama Islam mula tersebar di pantai barat Sumatera pada abad ketiga belas. Keterangan lain yang menguatkan lagi tarikh tersebut ialah melalui penemuan batu bersurat di Terengganu yang mencatatkan bahawa undang-undang Islam di negeri itu dilaksanakan pada tahun 1303 Masihi.

Selain itu juga, sastera Islam mula menjadi penting dan menarik setelah zaman kedatangan Islam dan perkara ini berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti orang Melayu yang telah memeluk Islam pada zaman itu. Para ulama bergerak aktif untuk menyebar dan mendalami pemikiran Islam di kalangan orang-orang Melayu. Mereka menggunakan hasil-hasil sastera dalam usaha-usaha berdakwah Islamiah yang sudah tersedia ada serta digemari oleh masyarakat seperti sastera rakyat, sastera yang bersifat Hindu dan bahan-bahan sastera yang berasal dari Parsi dan Arab, seperti cerita mengenai nabi-nabi, hikayat-hikayat keahlawanan Islam dan sebagainya. Menurut Ismail Hamid (1990: 79), wujudnya tradisi cerita dalam Islam adalah untuk mengembangkan ajaran Islam. Demikian juga para mualigh Islam yang berdakwah kepada orang Melayu pada zaman permulaan Islam telah menggunakan cerita-cerita bercorak Islam untuk mengembangkan kesedaran beragama kepada orang-orang Melayu. Minat mereka terhadap sastera lisan telah mendorong penciptaan cerita-cerita berunsur Islam dalam masyarakat Melayu tradisional. Pendakwah-pendakwah Islam telah menyadurkan cerita-cerita berunsur Islam daripada sumber-sumber Arab dan Parsi ke dalam bahasa Melayu dengan meniru tukang-tukang cerita dalam masyarakat tradisional, pendakwah-pendakwah Islam telah membacakan cerita-cerita Islam kepada para pendengar dan memberi gambaran yang boleh memberikan daya tarikan yang berkesan kepada para pendengar. Tokok tambah dan inovasi yang telah





dicipta oleh tukang-tukang cerita atau penulis-penulis Melayu telah menghasilkan hikayat-hikayat Melayu bercorak Islam yang berbeza sama sekali daripada sumber-sumbernya yang asal.

Kedatangan Islam ke alam Melayu dalam abad ketiga belas telah menyebab terciptanya hikayat Melayu bercorak Islam terutamanya tentang Nabi Muhammad SAW semasa menyambut kelahirannya seperti yang diamalkan di Asia Barat dan banyak dilakukan di Kepulauan Melayu. Selain itu juga, cerita-cerita tentang Nabi Muhammad SAW dan perjuangannya untuk menegakkan Islam turut telah diceritakan kepada masyarakat Melayu yang baru memeluk Islam. Hal ini untuk memberi gambaran sifat-sifat agama Islam serta bagaimana disebarluaskan kepada orang Arab sebelum diperkenalkan kepada orang-orang Melayu. Jelaslah bahawa cerita-cerita mengenai Nabi Muhammad SAW amat penting untuk mengembangkan Islam dan menerangkan tentang agama itu kepada orang-orang yang baru memeluk Islam.



Sehubungan dengan itu, keterangan di atas mengungkapkan bahawa genre kesusasteraan Islam itu memainkan peranan yang penting dalam memperkuatkan lagi aliran pengkarya-pengkarya yang melahirkan karya berunsur Islam. Menurut Sharifah Salha Syed Hamid (2009: 24), kesusasteraan Islam ialah satu cabang perkembangan dunia sastera yang amat indah yang membawa manusia ke arah nilai murni sangat. Kita semua sedia maklum bahawa dunia sastera alam Melayu pada peringkat awalnya, iaitu pada abad ke-16 hingga awal abad ke-20 dipelopori oleh golongan sasterawan Islam seperti Hamzah Fansuri (q.s), Raja Ali Haji (r.h) dan Hamka (r.h). Oleh yang demikian, penulisan dalam dunia kesusasteraan Islam memerlukan seorang penulis yang dapat menghayati unsur keutuhan, kepercayaan kepada Allah SWT serta ajaran yang dibawa oleh Nabi



Muhammad SAW. Kepercayaan yang teguh kepada kalimah syahadah serta Rukun Imam yang memberi satu dimensi penulisan sastera yang bernilai, berhikmah dan bermutu daripada segi moral dan etika kehidupan manusia. Oleh itu, saranan ini mengkehendaki pengkarya supaya bertanggungjawab terhadap penulisannya, supaya tidak wujud percanggahan dalam ajaran Islam yang syumul.

Di samping itu juga, Sharifah Salha Syed Ahmad (2009: 24), menjelaskan kesusasteraan Islam perlu ke arah mendalami hakikat penciptaan untuk memperkenalkan khalayak kepada keagungan Allah SWT serta memantapkan keimanan dalam pemikiran manusia, agar sujud kepada Allah SWT Yang Maha Agung. Oleh itu, ideologi yang bercanggah dengan ajaran Islam perlu dibanteras dengan penuh keazaman, sebagai wahana perjuangan jihad dalam dunia kesusasteraan. Karya yang bercorak ketuhanan serta akidah tauhid perlu dikembangkan dengan hasrat untuk menjadi panduan manusia kepada jalan yang lurus dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam yang syumul. Sehubungan dengan itu, konsep sastera Islam yang sebenar, iaitu berlandaskan kebenaran, kebaikan dan ibadah sebagai pelengkap kepada medium dakwah dalam berkarya akan lebih terpancar.

Sebenarnya, beberapa siri seminar, bengkel, simposium dan pertemuan ilmiah berhubung dengan gagasan sastera Islam telah diadakan sejak tahun 1970-an hingga awal tahun 1990-an. Perbincangan dan pertemuan ilmiah ini bertujuan untuk mencari definisi dan konsep sastera Islam yang tepat kerana sastera ini merupakan wahana yang paling serasi untuk membentuk teori sastera Melayu yang berjati diri. Hasil daripada perbincangan dan pertemuan ilmiah itu terhimpunkan beberapa pendapat para sarjana mengenai sastera Islam. Menurut Rozninah Abd. Aziz (2001: 4), Yusof Zaky Yaakob ada

menyatakan bahawa sastera Islam sebagai sastera dakwah, yang menyeru kepada makruf dan mencegah mungkar. Seterusnya, Rozninah Abd. Aziz (2001: 4) menyatakan pula pendapat Ismail Ibrahim bahawa sastera Islam merupakan tulisan yang berpaksikan Tauhid (mengesakan Allah SWT). Selain itu, Rozninah Abd. Aziz (2001: 4) turut menjelaskan pendapat Muhammad Uthman El-Muhammady bahawa sastera Islam merupakan sastera suci dan mendidik hati nurani manusia kepada kebaikan. Di samping itu, Rozninah Abd. Aziz (2001: 4) menjelaskan sastera Islam ialah sastera yang dihasilkan oleh orang yang komited dengan jiwa keislamannya seperti pendapat Muhammad Kamal Hassan.

Menurut Rozninah Abd. Aziz (2001: 4), menyatakan satu falsafah sastera Islam telah dicapai, iaitu: Falsafah Sastera Islam ialah berkeyakinan dan pegangan kita, yang disertakan dengan perjuangan dan penghayatan yang berterusan, bahawa sastera yang benar dan bermakna serta menyelamatkan ialah sastera yang berdasarkan faham alam, faham ilmu dan faham nilai kita dalam Islam dan tradisinya, yang di dalamnya kita zahirkan semua potensi rohani, intelektual, moral dan jasmani kita, dalam membina peradaban dan budaya demikian dalam arus globalisasi dunia. Bahkan kita bukan hanya mampu mempertahankan jati diri sastera dan budaya demikian dalam proses globalisasi itu, tetapi kita mampu menentukan arus globalisasi itu dalam hubungan dengan bangsa-bangsa di dunia.

Isu sastera Islam yang dibangkitkan pada dekad 70-an ini mendapat banyak pandangan yang dilontarkan oleh pengkaji berhubung dengan kriteria karya sastera yang boleh digolongkan sebagai sastera Islam. Menurut Hasjmy menerusi buku *Sastera dan Agama* dalam Siti Aisah Murad (2009: 25), menyatakan pertama karya sastera itu mestilah



mendorong pembacanya untuk melakukan amar makruf dan nahi mungkar. Kedua, karya sastera tersebut bertujuan menegakkan ajaran Allah SWT. Ketiganya, karya sastera tersebut membenarkan yang benar dan mengharamkan yang haram. Keempat, karya sastera tersebut mendorong lahirnya masyarakat yang adil dan makmur dan yang terakhir karya sastera tersebut mengesankan kepada perkara yang baik.

Selain itu, Siti Aisah Murad (2009: 25) menyatakan pendapat Muhammad Uthman El-Muhammady bahawa kesusasteraan Islam itu adalah apa-apa yang lahir dari kalam sebagai alat untuk merealisasikan kebenaran, menyebutkan kebenaran, dan menyebarkan kebenaran. Kesusasteraan Islam termasuk dalam seni suci dengan syarat yang tersendiri. Di samping itu juga, Siti Aisah Murad (2009: 25-26) menjelaskan bahawa Ismail Ibrahim menyebut bahawa sastera Islam merangkumi sastera pengalaman intelektual, emosi dan badani, dan yang penting adalah pengalaman kerohanian manusia dalam hubungannya dengan Allah SWT, insan dan alam. Karya sastera mesti meninggalkan kesan yang menyeluruh yang memberikan manfaat kepada pembaca mengikut ukuran Islam dan diredai oleh Allah SWT. Daripada pendapat tersebut dapat dirumuskan bahawa ciri sastera Islam perlu mampu membina kehidupan yang lebih positif dengan menolak corak kehidupan yang negatif serta dapat melahirkan manusia kepada kehidupan yang lebih sopan. Seterusnya, Siti Aisah Murad (2009: 26) memperkatakan pendapat Shahnon Ahmad bahawa berseni dan bersastera bertunggakkan Islam sama ada seperti beribadah atau berbakti kepada Allah SWT, sastera Islam itu sastera kerana Allah SWT yang berhikmah untuk manusia sejagat.

Di samping itu juga, Siti Aisah Murad (2009: 26) turut memperkatakan bahawa Shahnon Ahmad telah memberikan empat ciri sastera Islam, iaitu pengarang karya



tersebut ialah seorang Muslim yang benar-benar tahu asal-usulnya, objek penyampaian adalah keperihalan pengalaman manusia meliputi pengalaman emosi, badani dan rohani. Teknik penyampaiannya mengutamakan kemuliaan dan terpuji. Karya ini juga memberikan kesan yang mencapai kesedaran kepada pembaca. Terserlah daripada ciri ini objek penyampaiannya adalah keperihalan matlamat karya Islam itu menuju ke arah kehidupan yang baik dan harmoni tanpa mengabaikan nilai keindahan.

Selain itu juga, S. Jaafar (1995a: 31-32) menyatakan bahawa Shafie Abu Bakar turut menggariskan prinsip-prinsip yang harus ada dalam sastera Islam, iaitu berada di dalam ruang lingkup falsafah Tauhid, teks tidak terpisah daripada nilai yang berdasarkan keislaman, antara pengarang dan teks mempunyai pertalian dalam kaitannya dengan nilai keislaman, tidak dikaitkan dengan ideologi tertentu yang bertentangan dengan Islam, dan adanya unsur-unsur yang menganjurkan (secara tersirat) ke arah kebaikan seperti  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi pendidikan, dakwah, takwa, keluhuran, kemurnian hidup, kecintaan kepada Ilahi, pembelaan terhadap yang tertindas dan sebagainya. Sharifah Salha Syed Ahmad (2009: 25), turut menerangkan tentang keunikan sastera Islam ialah pada bahasa yang bukan sekadar indah, bahkan mempunyai nilai seni yang halus pantulan daripada keindahan ayat suci al-Quran dan al-Hadis yang dijadikan sebagai panduan, rujukan dan pedoman hidup. Bahkan, sastera Islam ialah cerminan daripada citra alam yang sebenar. Keindahan bahasa yang disampaikan harus tidak melanggar etika dan moral kehidupan manusia serta tidak terbuka kepada segala macam kebebasan yang terlarang.

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa nilai-nilai Islam yang terkandung dalam sesebuah karya bercorak Islam itu sebenarnya berkaitan dengan pembangunan modal insan yang diperkatakan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia

YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi melalui perutusan Hari Kemerdekaan Malaysia ke-48 pada tahun 2005 dalam Buku Rasmi Tahunan 2006 oleh Jabatan Penerangan Malaysia seperti yang terdapat dalam laman web <http://www.pmo.gov.my/modalinsan/index.html> (2008), YAB Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi telah mencetuskan revolusi idea dalam memberi penekanan terhadap usaha membangunkan modal insan sebagai satu landasan kecemerlangan generasi hadapan. Generasi hadapan merupakan aset insani Malaysia yang paling penting dalam usaha kerajaan merealisasikan kewujudan sebuah Negara Bangsa yang maju, cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang Wawasan 2020.

Di samping itu juga, senario negara ini telah menjadikan pembangunan modal insan sebagai strategi utama dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Hal ini dapat diperjelaskan lagi melalui bajet 2007 yang telah memberi peruntukan besar kepada pembangunan modal insan, iaitu sebanyak 21 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan. Kupasan dari sudut deskripsi tentang pembangunan modal insan dapat diberi huraian bahawa modal insan merupakan individu yang tidak bersifat individualistik sebaliknya bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai yang murni dan moral yang tinggi. Selain itu juga, individu ini merupakan seorang yang beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, mempunyai keluarga yang mantap berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, cekal, berintegrasi dan berdaya saing. Sehubungan dengan itu, modal insan ini dilihat sangat penting untuk mewujudkan personaliti yang unggul dan setiap individu itu perlu mengamalkan unsur-unsur dalam modal insan demi menentukan hala tuju negara, bangsa dan agama.

Selain itu juga, jika dilihat modal insan dari sudut keislaman adalah menerusi landasan akidah, syariah dan akhlak. Aspek terpenting yang lahir dari komponen tersebut adalah untuk membangunkan modal insan melalui pembangunan spiritual ummah dengan berdasarkan kepada kekuatan rohani untuk membina satu peradaban yang cemerlang dan mampan. Di samping itu juga, perkara ini berkait dengan aspek kerja berkualiti yang merujuk kepada usaha dan kerja oleh pekerja yang mempunyai nilai dan ciri-ciri yang baik seperti akhlak yang baik, berperwatakan yang sopan dan berkemahiran tinggi. Individu sebegini merupakan modal insan yang bersifat produktif dan berkeupayaan untuk menyumbang ke arah kemajuan sesebuah organisasi.

Menurut Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2005: 8), membincangkan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membina insan ini dapat ditonjolkan melalui Pendidikan Islam yang sememangnya tepat dengan hakikat nilai-nilai Islam itu sendiri yang sememangnya telah sedia bersifat sejagat. Nilai-nilai yang ditonjolkan melalui pendidikan ini pada hakikatnya adalah merupakan nilai-nilai murni yang sentiasa disokong oleh kepercayaan dan agama yang lain. Setiap agama atau kepercayaan sentiasa mengusahakan nilai-nilai murni yang dapat dikongsi oleh setiap lapisan masyarakat. Inilah yang dilahirkan oleh nilai-nilai Islam yang sejagat tersebut.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut negara sentiasa berusaha menyediakan tenaga kerja berwibawa yang berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang termasuk sains dan teknologi. Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai-nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat

patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Inilah modal insan yang memiliki personaliti unggul. Merekalah yang akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menyatakan untuk membangunkan modal insan, kita mahu memberi ilmu pengetahuan yang secukupnya, kita mahu mendidik mereka menjadi insan yang berpekerti mulia, mempunyai hemah yang tinggi, berjiwa besar, cintakan negara dan mereka yang mempunyai kekuatan jasmani dan kekuatan rohani. Kita mestilah menjadi rakyat yang cintakan negara ini, rakyat yang bersemangat, bersedia bekerjasama dengan kuat, bekerja dengan rajin serta menjadi rakyat yang mengamalkan budi bahasa yang bermutu tinggi.

Oleh yang demikian, matlamat pembangunan modal insan ini jika dihayati adalah selaras dengan perjuangan misi negara dalam konteks menghadapi cabaran keempat yang ditetapkan dalam Wawasan 2020, iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya. Selain itu, para warganya juga mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh serta ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika dengan warga negaranya teguh dalam nilai-nilai agama serta kerohanian, perlulah didokong oleh nilai-nilai etika yang paling tinggi.

Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2005: 1-2) menyatakan antara pelbagai makhluk ciptaan-Nya itu, Allah SWT telah mencipta makhluk yang istimewa yang digelar insan atau manusia. Insan ataupun manusia merupakan watak penting dalam pembinaan sesebuah masyarakat dan negara. Insan dicipta supaya hadir di dunia ini sebagai memikul tanggungjawab. Tanggungjawab yang dipikul itu amat besar sebagai *Khalifah* Allah SWT

atau wakil di muka bumi ini. Tanggungjawab ini tidak mampu dipikul oleh makhluk-makhluk Allah yang lain tetapi diterima oleh manusia. Ini dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab, ayat 72: “*Sesungguhnya Kami telah bentangkan tanggungjawab amanah Kami kepada langit dan bumi serta gunung ganang untuk memikulnya, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan pada ketika itu manusia dengan persediaan yang ada padanya sanggup memikulnya (Ingatlah!) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan*”. Oleh yang demikian, pembinaan insan merupakan perkara yang amat penting dalam konteks pembangunan di dunia ini dalam melahirkan sebuah masyarakat dan negara yang berjaya.

Menurut Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2005: 2), Manja Mohd Lodin

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi menyatakan al-Qur'an dan sunah Nabi Muhammad SAW mendefinisikan insan sebagai

manusia atau makhluk yang bertanggungjawab, yang diciptakan dengan sifat-sifat kemuliaan. Manusia diciptakan oleh Allah SWT sebagai sebaik-baik ciptaan-Nya. Ini kerana manusia dikurniakan akal fikiran yang dapat membezakan antara kebaikan dengan keburukan. Ketinggian taraf manusia terletak kepada keupayaannya mengawal sifat hawa nafsunya menerusi kawalan akal budi yang dikurniakan.

Selain itu, Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2005: 4-5) turut menjelaskan pendapat Haron Din bagi memastikan manusia yang lahir dalam keadaan fitrah ini dapat menjalankan peranannya sebagai *khalifah* berdasarkan ajaran tauhid maka manusia perlu menekankan perhatian dan tumpuan kepada tiga perkara pokok, iaitu iman, ilmu dan amal. Iman dalam pengertian ringkasnya ialah keyakinan kepada kewujudan dan kebesaran



Allah SWT dan kepatuhan kepada wahyu yang disampaikan melalui Nabi dan Rasul. Konsep ilmu dalam Islam adalah bersepada, iaitu meliputi ilmu-ilmu yang diperoleh melalui akal dan pengalaman serta ilmu yang diterima melalui wahyu yang disampaikan oleh Allah SWT kepada para Nabi dan Rasul. Konsep amal dalam Islam pula adalah sesuatu perbuatan yang ditentukan batas-batasnya oleh iman dan ilmu yang mempunyai fungsi khusus menyelamatkan manusia dan membawanya kepada kejayaan dunia dan akhirat.

Di samping itu juga, perlu ditekankan di sini bahawa terdapat nilai-nilai murni Islam dalam proses pembinaan insan. Menurut Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2005: 9-10), dalam proses pembinaan insan yang mantap dan sejati beberapa nilai murni Islam yang bersifat sejagat dan wajar dikongsi bersama. Nilai-nilai ini adalah amanah Allah SWT yang dijelaskan oleh Imam al-Ghazali sebagai *Sifat-sifat Mahmudah* (yang terpuji) dan *Sifat-sifat Mazmumah* (yang dikeji). Daripada kedua-duanya itu lahirlah nilai-nilai murni Islam yang berbentuk sejagat ini. Nilai-nilai ini perlu dibangunkan supaya iaanya dapat membentuk perilaku kehidupan yang sebenar dalam pembinaan insan dan membantu negara maju ke hadapan. Nilai-nilai tersebut ialah berperikemanusiaan, bertanggungjawab, adil, amanah, sabar, jujur, toleransi dan bertimbang rasa, benar, berani, menghormati tetangga dan hak mereka, memuliakan ibu bapa, orang yang lebih tua dan guru, ukhuwah Islamiah, bercita-cita dan berwawasan, berdisiplin, bekerja ikhlas kerana Allah SWT, akauntabiliti, bersifat kasih sayang dan hormat menghormati. Tambah Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2005: 10-11), menerusi usaha dan pelaksanaan kepada perkara-perkara yang menjadi amanah Allah SWT supaya ditunaikan ini, maka lahirlah insan-insan sejati dan berkualiti yang akan membangunkan masyarakat dan negaranya di atas landasan yang benar. Insan berkualiti itu ialah insan yang mempunyai





niat ikhlas dalam amalan dan perbuatannya. Allah SWT akan memberi ganjaran kepada amalan yang dilakukannya. Hanya dengan memperbaiki amalan dari semasa ke semasa akan lahirlah insan berkualiti. Insan berkualiti secara umumnya ialah insan yang baik dan bermanfaat kepada diri dan masyarakat serta negaranya.

Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9) mempunyai pelbagai matlamat dan sasaran antaranya ialah tumpuan yang diberikan kepada pembangunan dan kemantapan modal insan. Perbincangan mengenai modal insan ini juga terdapat dalam laman web <http://www.pic.upm.edu.my/artk/pdkmi.pdf> yang menyatakan bahawa modal insan merupakan satu elemen penting dalam sesbuah tamadun dan pembangunan negara. Kelewatan pengetahuan ekonomi dan kemahiran serta kepakaran merupakan salah satu asas penting dalam kecemerlangan negara. Modal insan juga merupakan penggerak kepada kemajuan masyarakat dan agama.



Istilah “modal insan” atau *human capital* yang dikaitkan dengan kebolehan dan kemahiran manusia dipopularkan semula oleh mantan Perdana Menteri Malaysia ke-5, iaitu Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi semasa membentangkan RMK-9 yang lalu. Penekanan YAB Mantan Perdana Menteri ialah modal insan sebagai penggerak kepada ekonomi, pembangunan dan kemajuan negara. Faktor kemanusiaan (termasuk kerohanian) dan masyarakat merupakan dua perkara penting dalam pembangunan modal insan. Istilah *Human Resource and Development* (Sumber Manusia dan Pembangunan) memang sudah lama diketahui dalam setiap organisasi. Apa yang dihasratkan oleh mantan Perdana Menteri ialah modal insan boleh menjadi pemacu kepada pembangunan dan kemajuan negara dalam menuju Wawasan 2020.





Pembangunan modal insan dalam RMK-9 mencakupi aspek-aspek berikut:-

1. keperluan kepada modal insan berkualiti.
2. pendekatan holistik dalam pembangunan modal insan.
3. strategi melahirkan modal insan kelas pertama.
4. perkaitan Misi Nasional, Wawasan 2020 dengan modal insan.
5. keselarian pembangunan modal insan dengan pendekatan Islam Hadhari.
6. modal insan dan aktiviti kebudayaan.
7. modal insan dan peranan golongan wanita.
8. modal insan dan perundangan.
9. modal insan dan pendidikan.
10. modal insan dan integriti.

Sehubungan dengan itu, kerajaan Malaysia telah memainkan fungsi dan peranan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khilafah dalam memakmur dan menguruskan alam ini. Fungsi dan peranan *khilafah* terletak di bahu insan. Di samping itu, proses pembangunan modal insan bermula dengan pengukuhan asas agama dan kemudiannya diikuti oleh proses penerokaan ilmu pengetahuan. Hakikat ini akan merealisasikan modal insan yang benar-benar utuh dari segi aqidah dan iman serta amalan.

Selain itu juga, dalam laman web <http://www.pic.upm.edu.my/artk/pdkmi.pdf> turut membincangkan modal insan kelas pertama. Modal insan kelas pertama bermaksud insan yang mempunyai *towering personality*, bermentaliti kelas pertama, mempunyai inisiatif, daya berfikir dan menggunakan otak, bersemangat tinggi dan mengutamakan kualiti. Terdapat lima elemen terpenting dalam melahirkan modal insan kelas pertama seperti yang telah dijelaskan dalam RMK-9, iaitu:-





1. pembangunan modal insan secara holistik.
2. pembudayaan sikap progresif.
3. kemantapan ilmu pengetahuan.
4. kemahiran.
5. modal intelektual dan nilai akhlak yang tinggi.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam konteks perkembangan novel Melayu di Malaysia, istilah novel itu sendiri perlu difahami konsepnya yang berasal dari Barat yang kemudiannya dipakai di Malaysia dengan konsep yang agak berbeza. Walaupun sebutannya sama, tetapi konsepnya sudah berubah sesuai dengan transformasi waktu, keadaan dan perkembangan pemikiran masyarakat Melayu yang unik dan kaya dengan tradisi cerita rakyat, seperti berita lipur lara dan hikayat-hikayat Melayu sebagai hasil pengaruh daripada fenomena persekitaran.

Istilah *novel* dipinjam daripada bahasa Inggeris. Perkataan ini berasal daripada bahasa Itali, iaitu *novella* atau *novelle* yang bermaksud satu bentuk cerita secara prosa yang panjang dengan gambaran kehidupan realiti manusia dan bentuk seperti ini dalam kesusasteraan dianggap sebagai genre baru. *Novel* yang dianggap genre baru itu mempunyai ciri yang berbeza dengan *romance*, iaitu suatu bentuk kesusasteraan yang terkenal di Barat.

Novel memaparkan sifat realiti manusia dalam menghayati kehidupan, menentukan arah dan tujuan mereka, berinteraksi sesama mereka, berinteraksi dengan alam, menghayati zaman kini dan mengingati kehidupan zaman lampau. Novel bukan sekadar



cerita biasa untuk hiburan malah memberi ilustrasi perilaku watak, latar kehidupan pelbagai masyarakat dan fenomenanya menerusi cerita yang menggunakan pelbagai teknik pengisahan sama ada secara berfikir, mengingat kembali, merenung masa depan, bermonolog, bermonolog dalaman dan berdialog. Selain itu juga, novel sebagaimana cerpen dimaklumi digolongkan di bawah kategori “cereka” yang bertolak dari idea yang digubah dan disirat dengan episod-episod yang *real* dan imaginatif yang terkandung di dalam urutan plot, perwatakan, latar dan ciri-ciri lain yang diperlukan di dalam proses penciptaan novel.

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005: 56), menjelaskan novel juga terdiri daripada beberapa bab. Novel yang ditulis, lazimnya melebihi daripada satu bab. Setiap bab mempunyai hubungan yang rapat dan berkait antara satu dengan yang lain kerana bab-bab itu merupakan kesatuan cerita bagi sesebuah novel. Sesebuah novel juga hendaklah melebihi 50 halaman. Di samping itu, novel juga mempunyai sifat dalamannya. Sifat dalaman ialah unsur-unsur yang membina sesebuah novel yang terdiri daripada tema dan persoalan, plot, latar, watak dan perwatakan, sudut pandangan serta gaya bahasa.

Meneliti perkembangan novel di Malaysia, memang tidak dapat diletakkan sebagai memenuhi sepenuhnya ciri sastera Islam kecuali novel yang dirancang seperti hasil peraduan yang ditentukan temanya. Hanya segelintir novel sahaja yang mampu meningkatkan ketakwaan dan keimanan terhadap Allah SWT dengan berlandaskan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Nabi. Novel-novel sebegini tepu dengan unsur-unsur Islam dan tentunya mampu menjadi wahana nilai Islam. Hal ini kerana novel-novel di Malaysia masih berlandaskan nafsu, materialisme atau yang membawa kepada kemusnahan nilai kemanusiaan serta sifat kasih sayang sesama manusia. Sehubungan dengan itu, pengkaji



berusaha mencari dan meneliti novel-novel di negara ini yang penulisnya dapat menghayati unsur ketuhanan, kepercayaan kepada Allah SWT serta ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Kepercayaan yang kukuh kepada dua kalimah syahadah serta rukun iman yang membawa kepada penghasilan karya yang bernilai, berhikmah dan bermutu dari segi moral serta etika kehidupan manusia turut dititik beratkan dalam sesebuah novel itu. Menurut Sharifah Salha Syed Ahmad (2009: 24), penulisan yang menjayakan nilai ketuhanan serta akidah tauhid, perlu dikembangkan dengan matlamat yang ikhlas dalam memandu manusia ke arah jalan yang lurus dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam yang syumul.

Selain itu juga, pengkaji dapati masih kurang novel-novel di Malaysia ini berfungsi

sebagai ilmu pendidikan yang boleh membimbing serta mengasuh jiwa bangsa ke arah

berakhhlak mulia. Hal ini demikian kerana novel-novel ini perlulah mempunyai perkataan-

perkataan yang berunsurkan kerohanian dengan berteraskan tauhid yang menunjukkan

keagungan Allah SWT serta kemuliaan sifat Rasulullah SAW yang mempunyai sifat-sifat

yang terulung serta mampu membawa manusia untuk mengamalkan sifat yang terpuji.

Sebagai implikasinya, masyarakat dapat mengatur kehidupan mereka dengan lebih teratur

dan berdisiplin. Di samping itu juga, pengkaji mendapati masih tidak ramai pengkarya

yang berusaha mempersembahkan karya-karya sastera mereka terutamanya novel sebagai

medium berdakwah secara pena. Hal ini demikian kerana telah menjadi amanah kepada

setiap manusia di muka bumi ini sebagai *khalifah* Allah SWT untuk menjalankan dakwah

tanpa perlu ke surau ataupun ke masjid tetapi memadai dengan menggunakan karya-karya

mereka untuk ditujukan kepada manusia yang membacanya. Pengkarya bertanggungjawab

untuk mengangkat ajaran Islam dalam dunia yang serba mencabar ini serta

memperbetulkan semua penyelewengan dalam kehidupan seharian selaras dengan ajaran



al-Quran. Oleh yang demikian, adalah diharapkan kaedah ini mampu membentuk masyarakat yang berjiwa murni, berakhhlak mulia serta saling hormat-menghormati sesama insan. Justeru, tahap keimanan manusia akan dapat ditingkatkan lagi dengan bersandarkan al-Quran dan hadis serta pegangan tauhid yang kukuh dalam jiwa mereka.

Di samping itu juga, pengkaji berusaha mencari dan meneliti novel yang berpegang pada prinsip keislaman serta mampu membentuk masyarakat di dunia ini hidup dalam suasana yang harmoni serta bersatu padu. Dewasa ini, novel di Malaysia masih kurang menekankan tentang tatacara kehidupan masyarakat Islam yang mengamalkan perpaduan serta kemakmuran. Islam menekankan nilai-nilai murni yang wajar dikongsi oleh semua golongan manusia dan dapat dimanfaatkan secara bersama. Pembangunan nilai-nilai murni Islam yang berbentuk sejagat memberi ruang perkongsian bagi masyarakat pelbagai kaum di negara ini dalam membina masyarakat yang berjaya dan berakhhlak serta bermoral tinggi. Manusia atau insan yang berkualiti ialah individu yang baik dan bermanfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan negara.

Selain itu di negara kita ini masih kurang karya-karya sastera berunsurkan Islam yang benar-benar ‘memasuki’ jiwa keislaman sebaliknya kebanyakan karya hanya bersifat tempelan tema Islam tanpa ada usaha untuk meletakkan falsafah agama dan nilai-nilai ketuhanan dalam erti kata yang amat mendalam. Hal ini demikian kerana pengarang di negara kita ini kurang menguasai ilmu keagamaan sedalam-dalamnya hingga menjadikan karya-karya berunsurkan Islam itu sebagai tempelan sahaja. Perlu kita sedari bahawa sesebuah karya yang berunsurkan Islam itu bukan sahaja difokuskan kepada masalah ketuhanan dan tauhid semata-mata tetapi juga memandu kepada kesedaran nilai-nilai dan asas kemanusiaan.

Rasulullah SAW ialah insan yang dipilih oleh Allah SWT sebagai *Khalifah* Allah SWT di muka bumi ini. Baginda memang kaya dengan sifat-sifat yang terpuji serta wajar dijadikan panduan seluruh manusia. Namun begitu, novel di negara ini masih tiada yang memaparkan sifat-sifat terpuji Rasulullah SAW secara terperinci untuk dijadikan ikutan khalayak yang membacanya. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab pengkaji untuk melihat sejahterananya Rasulullah SAW yang menjadi idola manusia dari segi pembangunan peribadi, pembangunan holistik, personaliti baginda serta prinsip-prinsip yang baginda amalkan agar dapat diterapkan kepada jiwa manusia yang membaca karya tersebut.

Di samping itu, pengkarya yang berlandaskan sastera Islam pastinya menyelitkan nilai-nilai murni dalam karyanya. Nilai-nilai murni ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Modal Insan yang dilancarkan oleh YAB Mantan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Jelas menunjukkan bahawa ciri-ciri utama modal insan adalah bertepatan dengan nilai-nilai murni keislaman. Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin meneliti kandungan novel yang berlandaskan nilai-nilai keislaman untuk membuktikan perkaitannya dengan modal insan yang dilancarkan di negara ini. Hal ini demikian kerana masih belum banyak novel yang tergolong dalam sastera Islam serta kaya dengan nilai-nilai Islam dikaji untuk dilihat hubungannya dengan ciri-ciri utama modal insan tersebut.

Sebagai kesimpulannya, kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berdasarkan faktor-faktor yang tertera di atas kerana pengkaji dapati masih kurang karya-karya terutamanya novel yang berlandaskan sastera Islam di negara ini mampu meningkatkan keimanan serta ketakwaan, meningkatkan akhlak dan peribadi mulia, menjadi medium dakwah, melihat sifat-sifat terpuji Nabi Muhammad SAW serta mencontohnya, serta

melihat nilai-nilai murni keislaman dan hubungannya dengan modal insan yang diamalkan di negara kita ini. Hal ini kerana segala bidang keilmuan dan karya yang dihasilkan itu mestilah berpegang teguh kepada akidah (tauhid) yang boleh memperkuatkan keimanan dan ketakwaan manusia.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama seperti yang tertera di bawah ini:-

- 1.4.1 untuk membuktikan bahawa watak utama dalam novel *Imam* mempunyai ciri-ciri sebagai insan *Kamil*.
- 1.4.2 untuk mengenalpasti ciri-ciri modal insan yang terdapat pada watak utama dalam novel *Imam*.
- 1.4.3 untuk membuktikan bahawa novel *Imam* merupakan sebuah karya sastera yang menepati ciri-ciri karya sastera Islam.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Setelah ditinjau daripada pelbagai sudut maka dapatlah dinyatakan kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk:-

- 1.5.1 membantu memperkayakan khazanah kajian ilmiah untuk rujukan sarjana pada masa kini dan masa hadapan serta menambahkan lagi koleksi kajian ilmiah dalam bidang Kesusastraan Melayu. 
- 1.5.2 menjadi bukti bahawa karya sastera yang bercorak sastera Islam ini berperanan sebagai medium dakwah melalui pena kepada masyarakat demi mempertingkatkan keimanan serta ketakwaan diri masing-masing.



1.5.3 membantu manusia membentuk peribadi dan akhlak terpuji dengan mencontohi Nabi Muhammad SAW sebagai *khalifah* Allah SWT di muka bumi ini.

1.5.4 meningkatkan minat khalayak terhadap karya-karya sastera Islam kerana boleh memperkuuhkan pegangan tauhid serta mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan mengagumi zat-zat dan sifat-sifat-Nya.

1.6 KAEDAH KAJIAN

Kajian terhadap karya sastera Islam berhubung dengan medium dakwah di kalangan masyarakat akan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kajian ke perpustakaan melalui pendekatan kajian teks. Pengkaji mengunjungi Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negeri Melaka dan Perpustakaan Awam Merlimau untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan seperti tesis, latihan ilmiah, buku, makalah, jurnal dan surat khabar yang berkaitan dengan kajian yang bakal dijalankan oleh pengkaji agar berjalan dengan lancar. Sehubungan dengan itu, pengkaji perlulah membuat penelitian terhadap bahan-bahan tersebut supaya bahan-bahan itu boleh diterima pakai sebagai rujukan pengkaji dalam menjalankan kajiannya.

Selain itu juga, pengkaji menjalankan kajian ini dengan menggunakan sebuah novel hasil penulisan Sasterawan Negara ke-8, iaitu Abdullah Hussain yang berjudul *Imam*. Novel *Imam* setebal 705 halaman ini telah memenangi hadiah pertama novel nasional anjuran Utusan Melayu dan Public Bank 1992/1994 sempena mengenang



Allahyarham Pak Sako. Novel ini juga turut terpilih memenangi Hadiah Karya Sastera bahagian tahun 1994/96.

Novel *Imam* ini memaparkan usaha menegakkan syiar Islam di sebuah kampung di Kedah dan dipaparkan dengan begitu menarik sekali. Novel ini mencakupi bidang berkaitan dengan agama yang begitu luas. Pengarang telah berjaya memperlihatkan pemikiran Islam yang murni dan sarat dengan gagasan pengarangnya tentang masyarakat. Pengarang turut mengemukakan unsur-unsur negatif yang menyebabkan perpecahan di kalangan orang Islam antaranya sifat tamakan kuasa, dengki, dendam dan sebagainya untuk diambil iktibar oleh pembaca.

Kejayaan Abdullah Hussain melahirkan novel *Imam* sejajar dengan pengalamannya yang lama dan berterusan dalam berkarya. Dalam novel ini selain tema dan persoalan yang menarik, novel ini juga membawa perubahan apabila Abdullah Hussain memasukkan unsur-unsur ilmiah, iaitu memasukkan bahan bacaan yang menjadi rujukan beliau semasa menghasilkan novel ini antaranya ialah kitab *Ahya Ulum al-Din* karangan Imam al-Ghazali.

Oleh yang demikian, pengkaji perlulah membaca dan memahamkan kandungan novel tersebut serta membuat analisis dan penelitian kerana novel ini sarat dengan unsur-unsur Islam. Pengkaji juga akan menggunakan kaedah dan pendekatan ini dengan sebaik-sebaiknya agar semua objektif yang telah dirancang akan terjawab melalui kajian ini.

1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian terhadap novel *Imam* karya Abdullah Hussain ini terbatas kepada watak utama di dalam novel tersebut sahaja, iaitu watak Haji Mihad. Pengkaji akan meneliti watak dan perwatakan serta melihat kemampuan watak ini mempraktikkan prinsip keislaman yang *Akmal* dalam kehidupan seharian mereka bersesuaian dengan peranan karya sastera bercorak Islam sebagai medium dakwah.

Menurut S. Jaafar Husin (1995a: 47), Shafie Abu Bakar menyatakan watak dan perwatakan merupakan aspek utama terutamanya dalam karya yang bersifat cerita. Oleh itu, sesebuah karya sastera merupakan cerminan masyarakat dan di dalamnya mempunyai watak-watak yang baik dan juga yang jahat. Namun begitu, pengarang seharusnya memandu karyanya ke arah pandangan dan amanat yang memperkuatkannya nilai-nilai Islam. Selain itu, S. Jaafar Husin (1995a: 47) menyatakan pendapat Shafie Abu Bakar secara halus misalnya melalui watak dan gambaran perwatakannya khalayak tidak menyenangi watak-watak jahat dengan sifat kelakuan mereka yang bertentangan dengan nilai-nilai akhlak murni dalam Islam dan secara halus pula pengarang seharusnya berusaha menarik pembacanya kepada watak-watak yang membawa nilai-nilai yang positif yang menyempurnakan sifat keinsanan sebagaimana yang dituntut oleh Islam.

Pengkaji juga akan meneliti watak Haji Mihad selaku seorang imam sama ada bertepatan dengan peranannya yang memikul tanggungjawab untuk membentuk akhlak dan peribadi masyarakat supaya menjadi manusia yang berakhlak terpuji dengan mencontohi Rasulullah SAW yang menjadi *khalifah* Allah SWT berbekalkan kesabaran dan ketakwaan yang amat tinggi dalam jiwynya.



Di samping itu, dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan teori *Takmilah* sebagai landasan kajian. Teori *Takmilah* merupakan sebuah teori sastera Islam yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas agama Islam, iaitu:-

1. berada dalam ruang lingkup falsafah sastera.
2. teks tidak terpisah dari nilai yang berdasarkan keislaman.

Teori sastera Islam tidak boleh dilihat sebagai sesuatu yang autonomous dan tersendiri serta terpisah daripada nilai dan norma masyarakat. Sebaliknya, harus dilihat secara menyeluruh dalam rangka perspektif Islam sejagat. Malahan juga merupakan nadi yang boleh dihubungkan dengan pendidikan, keinsafan, takwa, akhlak, dakwah, ketuhanan, jihad dan sebagainya.

Menurut Mana Sikana (1997: 8), Shafie Abu Bakar turut menyatakan dari sudut

falsafah sastera Islam seni secara luas bahkan bidang keilmuan apa jua di dalam Islam tidak terkeluar dari falsafah tauhid keislaman, khususnya sastera Islam. Falsafah tauhid dalam kata yang lain adalah merentasi semua aspek keislaman termasuklah sasteranya. Seni yang di dalamnya terkandung sastera juga merupakan bidang keilmuan mengarah kepada ketauhidan.

Teori *Takmilah* merupakan teori yang terbahagi kepada tiga komponen, iaitu doktrin tauhid, doktrin keindahan dan doktrin keindahan. Ketiga-tiga komponen ini saling berkait antara satu sama lain serta mempunyai objektif yang sama, iaitu mencapai kesempurnaan yang hakiki.





Di samping itu, Mana Sikana (1997: 9) menjelaskan pendapat Shafie Abu Bakar bahawa rangka teori *Takmilah* adalah bersifat holistik yang melibatkan ketuhanan, kenabian, keislaman, keilmuan, karya, pengkarya dan khalayak. Menurut Samsina Haji Abd. Rahman (2001: 14-15), aspek-aspek teori diasaskan kepada tujuh prinsip seperti yang berikut:-

1. Prinsip ketuhanan bersifat *Kamal*.
2. Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*.
3. Prinsip keislaman bersifat *Akmal*.
4. Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul*.
5. Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah*.
6. Prinsip pada pengkarya yang *mengistikalkan* diri.
7. Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil*.



Sehubungan itu, pengkaji hanya menumpukan kepada satu prinsip sahaja dalam teori *Takmilah*, iaitu Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Menurut Shafie Abu Bakar dalam Mana Sikana (1997: 11), kata akar *Kamil* mempunyai pertalian dengan istilah *Kamal* sifat Allah Maha Sempurna. Dalam falsafah pemikiran Islam, terdapat tiga konsep ideal keinsanan, iaitu Insan *Kamil*, Insan *Khalifah* dan Insan *Rabbani*. Insan *Khalifah* biasanya dirujuk kepada kemampuan insan menjadi pemimpin di bumi Allah SWT apabila insan itu mencapai keperluan dan syarat-syarat sebagai *Khalifah* antaranya berilmu dan berperibadi tinggi. Selain itu juga, insan mampu meningkat dari segi kerohanian dan kekhilafahan akan membentuk insan *Rabbani*. Seseorang insan itu tidak akan mencapai kesempurnaan yang sebenarnya tanpa kerohanian, iaitu aspek yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, gabungan antara insan *Khalifah* dan insan *Rabbani* dapat membawa peningkatan insan kepada tahap insan *Kamil* yang contoh



idealnya berada pada diri Rasulullah SAW. Dari segi insan *Khalifah* ada pada diri Rasulullah SAW sebagai seorang pentadbir, pemimpin dan panglima perang. Di samping itu juga, dari segi insan *Rabbani*, baginda sebagai Rasul yang mempunyai tahap kerohanian yang tinggi, iaitu jiwanya paling dekat dengan Allah SWT. Menurut Samsina Haji Abd. Rahman (2001: 17), dilihat dari sudut *takmilah*, sastera termasuk genre puisi berperanan meningkatkan kualiti keinsanan baik dari sudut *khalifah* mahupun *kerabbanian* (kerohanian) demi menjadi manusia pembaca ke tahap insan *Kamil*. Sebagai insan *Kamil* (manusia sempurna) Rasulullah SAW memiliki peribadi yang mulia dan akhlak yang terpuji dengan segala sifat istimewa dan luar biasa semenjak baginda masih kanak-kanak sehingga ke saat kewafatannya.

Di samping itu, menurut Baharuddin Ahmad (1993: 54) di dalam beberapa ayat di kitab suci al-Quran seperti ayat Surah Saba' 34:50, Surah al-Mu'min 40:55, dan Surah Muhammad 47:19, rujukan dibuat menyatakan bahawa Nabi terakhir itu adalah seorang manusia biasa dan bukan Tuhan dari kaca mata penjelmaan Tuhan dalam dirinya atau sebagai Tuhan yang lahir ke dunia. Tetapi ayat-ayat tersebut tidak menolak keunggulan dan keistimewaan Nabi sebagai manusia yang paling sempurna, ibarat 'intan di antara batu' seperti tercatat dalam peribahasa Arab tentang Nabi. Jika tidak demikian hakikatnya, betapa al-Quran dapat menyatakan bahawa Nabi dipilih sebagai contoh terbaik kepada manusia dari satu generasi ke generasi yang lain. Tidak dapat disangkalkan yang baginda dikurniakan Tuhan dengan sifat mulia yang tidak terdapat pada mana-mana manusia sekalipun. Menurut Baharuddin Ahmad (1993: 61), perwatakan Nabi Muhammad SAW dihiasi pula dengan sifat ikhlas, murah hati, merendah diri dan benar, berhemah tinggi dan sederhana, juga diharumi dengan sifat mengasihi dan menyayangi serta sentiasa mengalirkkan kegembiraan dalam perhubungan yang menjadikan baginda diingati dan

disanjungi hingga ke hari ini oleh dunia Islam. Baginda juga tidak mudah marah tanpa sebab, tenang dan terkawal, sabar dan bersikap baik terhadap orang lain serta sentiasa tersenyum. Apa yang menarik terkandung dalam jiwa baginda ialah sifat kesungguhan, lemah lembut dan tegas. Baginda merubah dunia manusia dan memikul tugas yang Maha Suci dengan rela menerima segala macam keperitan dengan senang hati, kasih sayang dan sentiasa memberi, iaitu sifat-sifat kewalian yang dimiliki oleh wali Allah SWT. Dalam dirinya tercantum segala kesempurnaan yang sejati. Hakikat diri Nabi ialah Insan *Kamil* yang para malaikat diperintahkan supaya sujud dan tunduk. Hal ini menyebabkan Allah SWT dan para malaikat menghantar selawat dan salam ke atasnya begitu juga dengan kaum muslimin. Mereka diminta supaya menjadikan diri Nabi Muhammad SAW sebagai model, contoh dan teladan untuk diikuti sepanjang hayat.

1.8 CADANGAN BAB

Kajian ini mengandungi lima buah bab dan setiap bab mempunyai isu dan kupasan yang dibincangkan untuk menjadikan kajian ini bersifat ilmiah serta dapat dijadikan rujukan. Selain itu juga, pengkaji turut mengemukakan cadangan kajian mengikut bab demi bab yang disokong dengan tajuk-tajuk kecil untuk mengukuhkan lagi kajian ini hasil daripada perbincangan bersama-sama penyelia tugas ini.

Dalam Bab 1, pengkaji telah membincangkan sastera Islam dan perkembangannya di Malaysia khasnya dan di alam Melayu amnya. Pengkaji juga menyatakan sastera merupakan medium untuk melahirkan rasa hari serta perasaan pengarang. Selain itu juga, pengkaji membincangkan pendapat para sarjana berhubung dengan definisi ‘sastera’ dan ‘kesusasteraan’. Perbincangan turut menjurus tentang latar belakang sastera Islam dan

kedatangannya di alam Melayu. Pengkaji menerangkan falsafah sastera Islam dan ciri-ciri sastera Islam itu sendiri. Dalam bab ini juga, pengkaji menyatakan bahawa sesbuah genre sastera yang bercorak Islam mestilah kaya dengan nilai-nilai murni serta berkait dengan pembangunan modal insan yang diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, iaitu YAB Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi ketika membentangkan RMK-9 dan perkara ini turut disentuh oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak dalam pembentangan RMK-10 yang baru saja berlalu. Di samping itu juga, pengkaji menegaskan bahawa Rasulullah SAW merupakan model pembangunan modal insan yang paling sempurna bersesuaian dengan peranan baginda selaku *khalifah* Allah SWT di muka bumi ini. Dalam bab ini, pengkaji menyentuh pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian, batasan kajian dan kesimpulan.

Selain itu, Bab 2 membincangkan sorotan literatur. Pengkaji telah memilih beberapa buah sorotan literatur dari dalam negara yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, iaitu merangkumi tesis Doktor Falsafah, kertas projek Sarjana dan latihan ilmiah Sarjana Muda. Pengkaji mendapati masih belum ada kajian yang dijalankan berkaitan pembangunan modal insan dengan bersandarkan teori *Takmilah*, iaitu mengkhusus kepada prinsip yang kedua dalam teori tersebut, iaitu Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil*.

Di samping itu juga, Bab 3 membincangkan metodologi kajian. Pengkaji telah menerangkan teori *Takmilah* yang terdiri daripada tujuh prinsip utama, latar belakang teori *Takmilah* dan falsafahnya. Pengkaji membincangkan ketujuh-tujuh prinsip tersebut serta penerangan telah dibuat dengan lebih mendalam pada prinsip yang kedua, iaitu Prinsip

Kerasulan Sebagai Insan *Kamil*. Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil* ini pula dibahagikan kepada tiga, iaitu insan *Khalifah*, insan *Rabbani* dan insan *Kamil*. Selain itu, pengkaji telah membina kerangka teori *Takmilah* dan memberi penerangan berhubung kerangka teori tersebut.

Penelitian dalam Bab 4, pengkaji membuat analisis dan dapatan kajian yang berkaitan dengan pembangunan modal insan. Pengkaji menghuraikan secara terperinci berkaitan dengan modal insan dan mencari bukti bahawa kandungan novel *Imam* menepati ciri-ciri utama pembangunan modal insan melalui watak utamanya serta pengkaji berusaha mengaitkan dapatan tersebut dengan teori *Takmilah*. Pembangunan modal insan ini perlu dilihat dari sudut insan *Khalifah*, insan *Rabbani* dan insan *Kamil*.

Selain itu, Bab 5 membincangkan dapatan kajian dengan serta menyatakan kesimpulan daripada dapatan tersebut. Pengkaji akan mengaitkan tiga objektif kajian dengan dapatan serta melihat kejayaannya dalam membuktikan bahawa semua objektif itu tercapai melalui bahan kajian, iaitu novel *Imam*.

1.9 KESIMPULAN

Karya-karya sastera Islam sememangnya sarat dengan pengajaran dan boleh dijadikan panduan manusia sejagat. Tambahan pula, karya sastera Islam tepu unsur-unsur keislaman di dalamnya dengan berlandaskan al-Quran dan hadis. Secara tidak langsung, ciri-ciri Islam yang penuh dengan norma-norma baik adalah sangat bertepatan dengan ciri-ciri utama modal insan. Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti sesebuah negera. Sehubungan dengan itu, aset yang paling berharga

bagi sesebuah negara adalah warganya. Modal insan inilah yang merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkayakan modal budayanya.

Selain itu juga, karya sastera Islam tidak dapat dinafikan menjadi sebagai medium dakwah yang mampu membentuk keperibadian dan meningkatkan ketakwaan terhadap Allah SWT dengan bersandarkan pegangan tauhid yang teguh dalam jiwa manusia. Hal ini demikian kerana Islam itu adalah agama yang syumul dan boleh membentuk jiwa manusia menjadi insan yang berkualiti seperti yang digariskan dalam pembangunan modal insan. Modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan. Oleh itu, kerajaan dan rakyat harus bersama-sama mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen. Pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat.

Di samping itu, manusia dijadikan oleh Allah SWT sebagai *khalifah* di muka bumi ini. Oleh itu, manusia memegang amanah dan tanggungjawab demi membentuk sebuah masyarakat yang harmoni serta bersatu padu demi kemakmuran negara. Ini disokong dengan penerapan dan pembangunan nilai-nilai murni Islam yang berbentuk sejagat serta mampu membina masyarakat yang berjaya dan berakhlik serta bermoral tinggi. Sastera Islam juga kaya dengan gambaran dan cerminan keperibadian Rasulullah SAW sebagai ikutan manusia kerana akhlak baginda yang terpuji. Sebagai manusia seharusnya mencontohi Rasulullah SAW dalam membentuk peribadi masing-masing menjadi insan *Kamil*.